

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JAN 2015

PM berjaya pasarkan Malaysia di Davos

BH-24/1/2015

» *Program anjuran negara tetap jadi pilihan pelabur*



Pelabur asing optimis dengan potensi Malaysia walaupun negara berdepan cabaran ekonomi global seperti kejatuhan harga minyak dan penyusutan nilai mata wang ringgit.

Ia dapat dilihat menerusi kehadiran ramai Pengerusi dan

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) konglomerat utama dunia pada majlis makan tengah hari perniagaan anjuran Khazanah Nasional, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan InvestKL, di sini, kelmarin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ada acara lain yang dijalankan serentak di Davos, tetapi mereka meluangkan masa menghadiri program Malaysia menunjukkan negara tetap menjadi pilihan pelabur.

"Jadi bila kita dapat kualiti seperti kehadiran tengah hari tadi (Khamis), ini menunjukkan mereka optimis mengenai masa depan ekonomi Malaysia dan dasar yang kita amalkan serta prospek perniagaan yang boleh mereka raih," katanya kepada wartawan Malaysia sempena Forum Ekonomi Du-

nia (WEF), di sini.

Selesa dasar negara

Beliau berkata, pelabur juga selesa terhadap dasar diamalkan kerajaan yang mesra perniagaan dan memudahkan urusan pelabur.

Pertemuan beliau dengan enam syarikat konglomerat ternama dunia kelmarin juga membuahkan hasil apabila mereka menyatakan kesediaan untuk melabur dan meningkatkan penyertaan dalam pelbagai sektor di Malaysia.

Konglomerat berkenaan ialah syarikat perbankan Standard Chartered; pengeluarengkapan pertahanan, aeroangkasa dan keselamatan, BAE Systems; General Electric (GE), syarikat infrastruktur teknologi dan industri dari Amerika syarikat. Syarikat insurans terulung dunia, Lloyds

syarikat pengeluar makanan dan minuman kesihatan, Nestle dan pengeluar produk petroleum, Shell.

Temui sendiri CEO

Najib menemui pegawai tertinggi syarikat itu, termasuk CEO secara bergilir-gilir sepanjang siang hari kelmarin.

Katanya, Standard Chartered mahu terus mengembangkan sektor kewangan Islam di Malaysia, manakala BAE mempertingkatkan kegiatan berkaitan siber dan peralatan ketenteraan.

Shell pula meningkatkan usaha cari gali minyak dari platform terapung Gumusut-Kakap di perairan negara yang kini mengeluarkan 120,000 tong minyak sehari. Dalam laporan sebelum ini, ia mahu ditingkatkan kepada 150,000 tong sehari.

GE berminat memperkembangkan bidang pengeluaran turbin, manakala Lloyds mahu menceburi produk insurans minyak dan gas di daratan.

Selain itu, Nestle mahu menjadikan Malaysia sebagai tapak mengeksport produknya ke India serta mengeluarkan susu dan minuman Milo untuk murid sekolah di Malaysia.